

18 SEP 2003

Persekutuan-Pemilihan/I

TIGA CALON BERTANDING UNTUK TERAJUI PERSEKUTUAN PERSATUAN CINA

IPOH, 18 Sept (Bernama) -- Mesyuarat agung tahunan Persekutuan Persatuan-persatuan Cina Malaysia (FCAM) di sini Ahad ini akan menyaksikan pertandingan sengit bagi merebut jawatan presiden.

Tiga calon, yang paling banyak setakat kini, akan bertanding bagi menerajui badan induk lebih 7,000 persatuan Cina di negara ini dan menggantikan Tan Sri Chong Chin Shoong yang akan menamatkan tempoh tiga penggal perkhidmatannya Ahad ini.

"Tahun ini lebih menarik memandangkan tiga calon akan bertanding berbanding hanya dua atau ada kalanya tiada pertandingan langsung sebelum ini. Saya rasa ia akan menjadi satu pertandingan yang sengit," kata Chong dalam satu temubual di sini.

Beliau berkata setelah pencalonan ditutup pada 5 Sept, tiga presiden bagi Dewan Perhimpunan Cina negeri-negeri iaitu Datuk Peng Yin Huah (Pahang) yang juga Timbalan FCAM ketika ini, Datuk Seri Lim Gait Tong (Pulau Pinang) dan Ting Chee Seng (Selangor) telah dicalonkan.

Yap Kian Chiaw dari Kelantan pula memenangi jawatan Timbalan Presiden tanpa bertanding.

Chong berkata perlembagaan persekutuan berkenaan membenarkan seseorang itu menjawat jawatannya selama tiga penggal atau enam tahun sahaja.

Beliau memenangi jawatan itu pada 1999 selepas menewaskan Presiden Dewan Perhimpunan Cina Selangor pada masa itu, Tan Sri Ngan Chin Wen.

Selain jawatan presiden, 34 calon akan bertanding bagi merebut 21 tempat dalam jawatankuasa pusat.

Chong berkata kira-kira 130 perwakilan dari 13 gabungan negeri akan menghadiri mesyuarat agung tahunan dan mengundi semasa pemilihan berlangsung.

Beliau berkata mesyuarat itu akan turut merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara penghujung bulan depan dan mengalu-alukan penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kami mengalu-alukan kepimpinan baru di bawah Datuk Seri Abdullah dan berharap beliau akan meneruskan dasar Dr Mahathir, mengekalkan kestabilan dan menjadikan negara lebih makmur," katanya lagi.

-- BERNAMA

AR ROS